

Mahadevan Dilantik Pengerusi Badan Perhubungan Mic Melaka
Bernama
24 Jun, 2013

KUALA LUMPUR, 24 Jun (Bernama) -- Presiden MIC Datuk Seri G. Palanivel melantik Datuk S. Mahadevan sebagai pengerusi Badan Perhubungan MIC Melaka yang baharu.

Mahadevan, yang merupakan timbalan pengerusi MIC negeri dan anggota Exco kerajaan negeri Melaka dilantik sebagai anggota Jawatankuasa Kerja Pusat (CWC) parti pada mesyuarat CWC yang lepas.

"Mahadevan mempunyai banyak pengalaman dalam MIC dan dengan pelantikan beliau, saya percaya beliau akan mampu memberikan kepimpinan baik dan memperkukuhkan lagi akar umbi parti," kata Palanivel dalam kenyataan Isnin.

Beliau turut mengucapkan terima kasih kepada bekas anggota Exco kerajaan negeri Melaka dan bekas pengerusi badan perhubungan parti negeri Datuk R. Perumal atas jasa dan khidmat baik beliau kepada rakyat selama ini.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=958258>